

BAB VI

PERJALANAN PILIHANRAYA

Dalam bab-bab yang lepas kita telah meninjau bagaimana persiapan-persiapan dibuat untuk mengadakan pilihanraya, sekarang kita akan meninjau perjalanan pilihanraya itu sendiri. Ini adalah perkara yang paling penting dalam sesuatu sistem pilihanraya itu. Bagi kebanyakan orang, pilihanraya cuma dikenali dengan kejadian pilihanraya itu sendiri. Detik perjalanan pilihanraya inilah sebenarnya memenuhi artikata pilihanraya. Persediaan-persediaan yang telah dibuat itu adalah untuk melicinkan peroses pilihanraya dijalankan.

Pada peringkat ini dimulakan dengan pencalunan, penyediaan tempat mengundi, hari pengundian itu sendiri, pengiraan undi dan lain-lain lagi.

Untuk menjadi calon dalam sesuatu pilihanraya itu juga perlu memenuhi kelayakan-kelayakan yang tertentu. Antara kelayakan-kelayakan ialah faktor umur, mastautin, kewarganegaraan, bukan pemegang jawatan kerajaan dan lain-lain lagi.

Selain daripada itu untuk mengadakan pilihanraya perlu disediakan tempat mengundi dan menentukan tanggungjawab pegawai-pegawai yang akan menguruskannya. Kelengkapan-kelengkapan yang cukup di tempat mengundi dan kecekapan pegawai-pegawai pengurus adalah bergantung kelicinan perjalanan sesuatu sistem pilihanraya itu.

Cara mengundi itu sendiri pun ada berbagai-bagai. Ada undi terbuka, undi sulit, undi sukarela, undi diwajibkan, undi dengan hadiri sendiri, undi secara pos ataupun 'proxy'. Tapi yang paling selalu ialah corak 'personal voting by secret ballot' (mengundi sendiri secara sulit dan sukarela).⁶

Selepas pengundian, peroses yang penting ialah pengiraan undi. Cara mengundi itu sendiri juga adalah penting. Ketepatan dalam pengiraan adalah penting. Selepas inilah barulah diketahui siapa yang terpilih. Pilihan majoriti akan memenangi sesuatu pilihanraya yang diadakan itu.

Perjalanan Pilihanraya Di Malaysia

Sebelum ditinjau perjalanan pilihanraya di Malaysia, kita akan melihat kelayakan-kelayakan yang ditetapkan bagi seseorang calon itu. Orang-orang yang boleh menjadi calon dalam pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Negeri, hendaklah terdiri daripada mereka yang berkelayakan untuk menjadi ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negeri.

Kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Rakyat ialah tia-tiap warganegara yang bermastautin di Persekutuan, jika ia berumur tidak kurang daripada dua puluh satu tahun (Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan).⁷ Kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Negeri ada di

⁶Mackenzie, W.J.M., Free Election, George, Allen and Unwin, London 1967, m.s. 127.

⁷Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, Perkara 47.

sebutkan dalam Perlembagaan tiap-tiap negeri.

Mereka yang tidak layak atau hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Rakyat ialah:⁸

- a) ia adalah dan telah didapati atau diistiharkan sebagai seorang yang tidak sempurna akal, atau
- b) ia seorang bankrap yang belum dilepaskan, atau
- c) ia memegang sesuatu jawatan yang berpendapatan, atau
- d) setelah dinamakan untuk pilihanraya bagi mana-mana Majlis Parlimen atau bagi Dewan Negeri; atau telah bertugas sebagai ejen pilihanraya bagi seseorang yang dinamakan sedemikian, ia tidak menghantar apa-apa penyata perbelanjaan pilihanraya yang dikehendaki oleh undang-undang⁹ dalam masa dan mengikut cara yang dikehendaki, atau
- e) ia telah disabitkan suatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah di Persekutuan, dan dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan ia tidak mendapat ampun, atau
- f) ia telah dengan sengaja memperolehi kewarganegaraan suatu negeri asing, atau telah dengan sengaja menggunakan hak-hak kewarganegaraan disesuatu negara asing atau telah membuat sesuatu akuan taat-setia kepada suatu negeri asing.

⁸ Ibid., Perkara 48.

⁹ Disini dimaksudkan dengan Seksyen 23 Akta Kesalahan Pilihanraya, 1954.

Selain daripada ini ceraiian kedua Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan menyebutkan bahawa Undang-undang Persekutuan boleh membuat peruntukan bagi menghilangkan kelayakan menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen selama tempuh masa yang dinyatakan oleh undang-undang itu, bagi orang yang melakukan kesalahan berhubung dengan pilihanraya, dan sesiapa yang telah disabitkan dengan kesalahan itu adalah hilang kelayakannya selama tempuh yang dinyatakan. Mengenai ini, Ordinan Kesalahan Pilihanraya telah menetapkan tempuh itu selama lima tahun dari tarikh seseorang itu disabit salah.¹⁰

Perkara 49 Perlembagaan Persekutuan menyebutkan bahawa seseorang tidak boleh menjadi ahli kedua-dua Majlis Parlimen pada suatu masa dan juga tidak boleh dipilih bagi Dewan Rakyat untuk mewakili lebih daripada satu bahagian pilihanraya atau bagi Dewan Negara untuk mewakili lebih daripada satu negeri, dan juga tidak boleh menjadi ahli yang dipilih dan dilantik kedua-duanya sekali bagi Dewan Negara.

Sesiapa yang layak menjadi ahli Dewan Rakyat adalah layak untuk menjadi calon dalam pilihanraya Dewan Rakyat, tetapi sesiapa yang tidak layak menjadi ahli Dewan Rakyat adalah tidak layak menjadi ahli Dewan Rakyat adalah tidak layak untuk menjadi calon dalam pilihanraya itu.

Selalunya calon-calon ini akan akan melantik ejen-ejen

¹⁰ Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, Seksyen 27.

pilihanraya. Para pengundi hendaklah waspada terhadap sebarang perlantikan ejen-ejen pilihanraya kerana tidak tiap-tiap orang boleh dilantik menjadi ejen. Mengikut Akta Kesalahan Pilihanraya, 1954, orang yang berikut ini tidak boleh menjadi ejen pilihanraya:¹¹

- a) orang yang bukan warganegara
- b) orang yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun
- c) orang yang telah dalam masa lima tahun sebelum tarikh penamaan disabitkan bersalah kerana keganasan atau ketidakjujuran oleh mahkamah undang-undang dimana-mana bahagian Malaysia dan tidak mendapat ataupun,
- d) seseorang yang dalam masa lima tahun sebelum tarikh penamaan disabitkan bersalah atau dibebaskan daripada hukuman penjara kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihanraya, 1954
- e) seseorang yang namanya didaftarkan di bawah Ordinan Pencegahan Jenayah 1958
- f) seseorang itu telah dalam tempoh lima tahun sebelum tarikh penamaan disabitkan atas kesalahan di bawah Seksyen 52(3) Akta Pertubuhan 1966
- g) seseorang itu telah dikenakan perintah mengikut Seksyen 66(4) Akta Pertubuhan 1966.

Berhubung dengan perjalanan pilihanraya, Suruhanjaya

Pilihanraya adalah bertanggungjawab sepenuhnya menjalankan pilihanraya


¹¹ Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, Seksyen 13.

umum dan pilihanraya kecil samada untuk Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.¹² Dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya, kerjasama dan pertolongan daripada pihak-pihak selain daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Pilihanraya Negeri adalah merupakan perkara yang sangat penting. Supaya menjamin kerjasama dan bantuan diberikan apabila dikehendaki daripada pihak-pihak berkuasa awam, maka apabila dikehendaki daripada pihak-pihak berkuasa awam, maka perkara ini dimaktubkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 115(2).¹³

Rajah berikut menunjukkan susunan pegawai yang terlibat dalam perjalanan sesuatu pilihanraya:

RAJAH 2

Pegawai-pegawai Pilihanraya



¹²Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, Perkara 113(1).

¹³Ibid., Perkara 115(2).

Pilihanraya umum biasanya diadakan lima tahun sekali ataupun lebih awal sekiranya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dibubarkan sebelum tempuh lima tahun, dikira daripada tarikh mesyuarat pertama Dewan yang berkenaan. Pilihanraya umum diadakan dalam tempuh enam puluh hari daripada tarikh pembubaran bagi Malaysia Barat dan dalam tempuh sembilan puluh hari bagi Malaysia Timur.¹⁴ Pilihanraya kecil pula mestilah diadakan dalam tempuh enam puluh hari dari tarikh kekosongan berlaku bagi Malaysia Barat dan sembilan puluh hari bagi Malaysia Timur kecuali sekiranya kekosongan berlaku bila-bila masa dalam tempuh enam puluh hari sebelum Parlimen sepatutnya dibubarkan.¹⁵

Apabila pilihanraya umum hendak diadakan terlebih dahulu Setiausaha Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri akan memberitahu Suruhanjaya Pilihanraya tarikh Dewan berkenaan dibubarkan dan kalau sekiranya satu pilihanraya kecil hendak diadakan, Setiausaha Dewan Rakyat atau Setiausaha Dewan Undangan Negeri akan memberitahu Suruhanjaya Pilihanraya tarikh berlakunya kekosongan kerusi Dewan berkenaan.¹⁶

Seterusnya Suruhanjaya Pilihanraya akan mengeluarkan surat Perintah Pilihanraya kepada Pegawai Pengurus kawasan-kawasan pilihanraya yang berkenaan.¹⁷

¹⁴ Ibid., Perkara 55.

¹⁵ Ibid., Perkara 54.

¹⁶ Ibid., Perkara 54.

¹⁷ Akta Pilihanraya 1958 (disemak 1970), Seksyen 12.

Pegawai Pengurus akan mengeluarkan notis pilihanraya yang antara lain, mengandungi tarikh penamaan calon dan hari membuang undi. Disamping itu juga dibuat pemberitahu untuk menentukan waktu dan tempat penamaan calon-calon bagi kawasan pilihanraya itu.¹⁸

Peroses penamaan calon, sebelum penamaan dimulakan, salinan-salinan daftar pemilih bagi pilihanraya-pilihanraya akan dibukakan oleh Penyelia Pilihanraya. Daftar-daftar ini mustahak bagi maksud penamaan dan pengundian.

Kerja penamaan calon ini perlu dibuat dengan teliti.

Penamaan calon dibuat dengan calon menyerahkan kepada Pegawai Pengurus tiga salinan kertas penamaan.¹⁹ Tiap-tiap kertas penamaan itu hendaklah ditandatangani oleh seorang pencadang dan seorang penyokong dan sekurang-kurangnya oleh empat orang lain lagi.²⁰ Kesemua mereka ini hendaklah terdaftar namanya dalam kawasan pilihanraya dimana calon itu akan bertanding.²¹ Tiap-tiap calon yang dinamai dalam kertas pencalonan hendaklah bersetuju dengan pencalonannya itu.²²

¹⁸ Peraturan (Perjalanan Pilihanraya) Pilihanraya, 1959, Peraturan 3.

¹⁹ Ibid., Peraturan 5.

²⁰ Ibid., Peraturan 4(2).

²¹ Ibid., Peraturan 4(2).

²² Ibid., Peraturan 4(2),

Apabila diserahkan kepada Pegawai Pengurus ketiga-tiga salinan kertas penamaan itu, hendaklah diiringi oleh satu surat sumpah mengenai kelayakan orang yang dinamai menjadi calon dan juga wang deposit.²³ Penyerahan ini dibuat oleh calon itu sendiri atau oleh pencadangnya atau penyokongnya.

Apabila diterima, maka Pegawai Pengurus akan menampalkan semua kertas-kertas penamaan yang diterima dan tidak ditarik balik. Penampalan ini dibuat ditempat yang terang supaya dapat diperiksa oleh orang-orang yang dibenarkan hadir disitu oleh Pegawai Pengurus.

Setelah diperiksa dan didapati tidak memuaskan dengan sebab-sebab yang tertentu, maka bolehlah dibuat bantahan keatasnya.²⁴ Bantahan ini hendaklah ditandatangani oleh orang yang membuat bantahan itu dan mengandungi salah satu daripada alasan-alasan yang berikut:

- a) kerana keterangan mengenai calon itu tidak cukup untuk dicalunkan calon itu;
- b) kerana kertas penamaannya dibuat atau diserahkan dengan tidak mematuhi peraturan;
- c) kerana nyata daripada kertas penamaan itu sendiri bahawa calon itu tidak boleh dipilih ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negeri;

²³Ibid., Peraturan 5(1).

²⁴Ibid., Peraturan 7(1).

- d) kerana kertas penamaan itu tidak disertakan dengan wang deposit sebagaimana yang dikehendaki; dan
- e) kerana mengikut Perlembagaan, calon itu telah hilang keelayakan menjadi ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negeri.²⁵

Bantahan-bantahan itu hendaklah diselesaikan oleh Pegawai Pengurus pada hari itu juga. Keputusannya adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di Mahkamah.²⁶ Tetapi sesiapa yang tidak puashati mengenai keputusan itu boleh membuat rayuan ke Mahkamah Pilihanraya mengikut Seksyen 32(b) Akta Kesalahan Pilihanraya.²⁷

Calon boleh juga menarik balik penamaan sebelum pukul dua belas tengahari hari penamaan itu.²⁸

Jika ada hanya seorang sahaja yang dinamakan sebagai calon di kawasan itu, maka calon itu akan diistiharkan sebagai calon yang menang tanpa bertanding.²⁹

Tetapi jika bilangan calon lebih daripada seorang, maka

²⁵ Ibid., Peraturan 7(1).

²⁶ Ibid., Peraturan 7(5).

²⁷ Ibid., Peraturan 7(5).

²⁸ Ibid., Peraturan 9(1).

²⁹ Ibid., Peraturan 10 dan Akta Pilihanraya 1958, Seksyen 13(1).

pilihanraya akan diadakan.³⁰

Sekiranya pilihanraya diadakan, maka pada hari itu juga, Pegawai Pengurus akan melakukan kerja-kerja berikut:³¹

- a) menentukan dengan jalan undi susunan nama-nama calon yang akan diterakan ke atas kertas undi itu kelak;
- b) menentukan dengan jalan undi, satu simbol bagi tiap-tiap orang calon, dan
- c) menghantarkan kepada Penyelia Pilihanraya
 - i) satu laporan menyatakan bahawa pilihanraya akan bertanding;
 - ii) satu salinan kertas penamaan bagi tiap-tiap calon;
 - iii) satu penyata yang menunjukkan susunan nama-nama calon yang akan diterakan ke atas kertas undi dan juga tanda yang telah ditetapkan bagi tiap-tiap orang calon itu.³²

Kemudian Penyelia Pilihanraya akan menyiarkan satu notis dalam Warta Kerajaan menyatakan; nama kawasan pilihanraya yang mana pilihanraya baginya diadakan, tarikh mengundi, nama calon-calon yang akan bertanding, dan tempat-tempat mengundi bagi tiap-tiap daerah

³⁰ Ibid., Peraturan 11(1).

³¹ Ibid., Peraturan 11(2).


³² Ibid., Peraturan 11(3).

mengundi dalam sesuatu kawasan pilihannya dan juga waktu mengundi.³³

Sementara itu tempat-tempat mengundi akan disediakan. Sekolah boleh digunakan sebagai tempat mengundi.³⁴ Rajah berikut ialah contoh-contoh Tempat Mengundi;

RAJAH 3


Tempat Mengundi



³³ Ibid., Peraturan 11(4).

³⁴ Akta Pilihanraya, 1958 (disemak 1970), Seksyen 14.

Petunjuk



Ketua Tempat Mengundi



Kerani Pengundian



Wakil-wakil Pengundian



Peti Undi



Petak Undi



Pegawai Polis

Punca: Malaysia, Panduan Khas Pendaftaran dan Pilihanraya, Suruhanjaya Pilihanraya, 1973, m.s. 17.

Diluar tempat mengundi akan ditampal dua notis menunjukkan nama calon dan simbol yang digunakan.³⁵ Di tiap-tiap tempat mengundi juga hendaklah disediakan kemudahan-kemudahan untuk membolehkan pengundi-pengundi menandakan kertas undi mereka dalam keadaan terlindung daripada orang lain.³⁶

Tiap-tiap tempat mengundi diuruskan oleh beberapa orang pegawai yang dilantik oleh Pegawai Pengurus.³⁷ Pegawai inilah yang akan menguruskan tempat mengundi.

Pengundi-pengundi yang terdaftar untuk tempat mengundi itu sahajalah yang dibenarkan masuk mengundi.³⁸ Tiap-tiap seorang pengundi hanya boleh mengundi dalam satu kawasan pilihanraya yang tertentu saja, dan diberikan hak mengundi satu kali sahaja.³⁹

³⁵ Peraturan (Perjalanan Pilihanraya), Op. cit., Peraturan 13(1).

³⁶ Ibid., Peraturan 13(2).

³⁷ Ibid., Peraturan 12(1).

³⁸ Ibid., Peraturan 14 dan 15(1).

³⁹ Ibid., Peraturan 19(1).

Tiap-tiap seorang pengundi akan diberikan sehelai kertas undi dan mengundi dengan menandakan kertas itu satu tanda yang menunjukkan pilihannya.⁴⁰ Kertas itu akan dilipatnya dan dimasukkan ke dalam peti undi yang disediakan. Detik menanda kertas undi pilihan masing-masing ini ialah satu detik yang paling penting dalam sesuatu pilihannya itu. Semua proses ini dibuat secara rahasia.⁴¹

Setelah waktu mengundi tamat, pengundian itupun ditutup, kertas-kertas undi yang tidak habis dipakai akan diberkas (Peraturan 24).

Peti-peti undi akan dimetri.⁴² Kemudian tibalah masanya untuk membilang undi. Pegawai Pengurus akan menguruskannya.⁴³ Meroka yang boleh hadir pada masa undi dibilang ialah ahli dan Pegawai Suruhanjaya Pilihanraya, Pegawai Pengurus dan Penolong-penolongnya, Keraninya dan lain-lain orang yang dibenarkan hadir oleh Pegawai Pengurus.

Kertas-kertas undi itu akan dibilang dihadapan calon, wakil-wakil pilihanrayanya. Kertas undi yang rosak dianggap sebagai kertas undi yang ditolak.⁴⁴

⁴⁰ Ibid., Peraturan 19(3).

⁴¹ Akta Pilihanraya 1958, Op. cit., Seksyen 13(2).

⁴² Peraturan (Perjalanan Pilihanraya), Op. cit., Peraturan 24(2).

⁴³ Ibid., Peraturan 25(1).

⁴⁴ Ibid., Peraturan 25(6).

Kertas-kertas undi itu akan dibilang. Apabila kertas-kertas undi itu tamat dibilang, di atas permintaan calon atau wakil pilihanrayanya, kertas-kertas undi itu boleh dibilang semula.⁴⁵

Apabila kerja-kerja membilang kertas undi itu selesai, Pegawai Pengurus akan membuat pengumuman, iaitu calon yang mendapat undi terbanyak terpilih dalam pilihanraya itu.⁴⁶

Setelah pengumuman dibuat, maka kertas undi dan segala surat-suratan yang lain akan dimetri dan disimpan baik-baik ditempat yang selamat selama enam bulan, dan seterusnya dibinasakan.⁴⁷

Nama calon yang dipilih itu akan disiarkan oleh Penyelia Pilihanraya dalam Warta Kerajaan. Calon yang menang itu dianggap sebagai pemenang di kawasan pilihanraya yang dimenangnya itu. Dengan ini bermakna proses pemilihan yang penting itu telah selesai.

Mencabar Pemilihan

Menurut peruntukan Perkara 118 Perlembagaan Persukutuan tiada sesuatu pilihanraya bagi Dewan Rakyat atau Dewan Negeri boleh dipersoalkan kecuali dengan rayuan pilihanraya yang dicerahkan kepada Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidangkuasa ditempat pilihanraya itu

⁴⁵Ibid., Peraturan 25(8).

⁴⁶Ibid., Peraturan 25(8), dan Seksyen 13, Akta Pilihanraya 1958 (disemak 1970).

⁴⁷Ibid., Peraturan 25(10).

diadakan. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan dalam kes Tunku Abdullah v. Ali Amberan⁴⁸ bahawa keputusan mahkamah itu adalah muktamad dan tidak boleh dirayu lagi.

Beginitulah tadi bagaimana perjalanan pilihanraya yang menjadi satu proses yang penting dalam pelaksanaan sistem pilihanraya di Malaysia. Kejayaan perjalanan pilihanraya adalah bergantung kepada persiapan yang teliti dan kelancaran menjalankannya. Tugas ini terserah kepada kecekapan Pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya. Dari segi berbagai-bagai kemudahan yang seharusnya didapati, pihak Suruhanjaya dibenarkan untuk mendapatkan pertolongan dari berbagai pihak. Ini adalah semata-mata untuk menjamin kelancaran perjalanan sistem pilihanraya itu. Proses perjalanan pilihanraya ini adalah penting. Kejayaan bergantung kepada banyak perkara dan kerjasama berbagai pihak. Kadang-kadang kejayaan sesuatu sistem pilihanraya itu bergantung kepada kejayaan perjalanan pilihanraya itu sendiri. Ini menunjukkan proses perjalanan pilihanraya adalah satu proses yang penting dalam sistem pilihanraya di Malaysia.

⁴⁸Tunku Abdullah v. Ali Amberan [1971] 1 M.L.J. 25.